

Kepentingan Terbaik Kanak-kanak: Isu & Cabaran



SIMPOSIUM KEBANGSAAN KEBAJIKAN KANAK-KANAK 2004

The Gurney Resort Hotel & Residences, Pulau Pinang
21 – 22 Julai 2004

PERMASALAHAN ANAK YATIM DI INSTITUSI KEBAJIKAN ANAK YATIM

DATO' PROF. DR. AMIR AWANG

Pengarah Institut Pemikiran Dr. Mahathir;
Professor di Jabatan Psikologi dan Kaunseling,
Fakulti Pembangunan Sosial & Manusia
Universiti Utara Malaysia

RUSIMAH SAYUTI,

ZAKIYAH JAMALUDDIN,

CHAN CHEONG CHONG

Pensyarah Jabatan Kerja Sosial,
Fakulti Pembangunan Sosial & Manusia,
Universiti Utara Malaysia

Tel: 04-928 3889 Fax: 04-928 3898

E-Mail: rusimah@uum.edu.my



KERTAS KERJA • SESI 2D

PERMASALAHAN ANAK YATIM DI INSTITUSI KEBAJIKAN ANAK YATIM

**DATO' PROF. DR. AMIR AWANG¹, RUSIMAH SAYUTI²,
ZAKIYAH JAMALUDDIN³, CHAN CHEONG CHONG⁴**
Universiti Utara Malaysia

Abstrak

Anak-anak yatim adalah anak-anak yang kematian bapa atau kedua-dua ibu dan bapa. Perpisahan atau kematian ibu bapa menyebabkan mereka tidak dapat menikmati beliaian, kasih sayang dan asuhan yang berterusan daripada ibu bapa. Apatah lagi jika perpisahan dengan keluarga atau ketiadaan ibu bapa boleh menjelaskan kesejahteraan sosial dan perkembangan anak-anak. Kajian ini dijalankan di dua buah institusi anak yatim di Kedah, iaitu di Darul Aitam Wal Masakin, Alor Setar dan Rumah BUDI, Yan. Kesemua penghuni yang menghuni kedua-dua buah institusi ini yang berusia di antara 13-17 tahun dipilih sebagai responden kajian. Kajian berbentuk tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik ini menggunakan Senarai Semak Masalah Mooney bagi mengkaji masalah yang dihadapi oleh anak-anak yatim. Hasil kajian mendapati bahawa masalah yang ketara dihadapi oleh mereka ialah pendidikan dan masa depan. Ketiadaan ibu bapa atau keluarga menyukarkan mereka untuk menerima bimbingan dan galakan yang sewajarnya.

ANAK YATIM DAN INSTITUSI KEBAJIKAN

Anak yatim ialah anak yang kematian bapa atau kedua-dua ibu bapa. Dalam konteks negara Malaysia, anak-anak yatim turut sama mendapat perhatian dari pihak kerajaan, NGO dan swasta, khususnya dalam mendapat bantuan dan latihan tertentu. Bantuan anak yatim adalah sejenis bantuan yang diberikan untuk membantu anak-anak yang kurang bernasib baik kerana kematian ibu bapa mereka. Bantuan yang diberi adalah berbentuk bantuan kewangan bulanan (sara hidup bulanan) dan juga bantuan buku-buku teks. Mereka yang layak dipertimbangkan untuk mendapat bantuan ini mestilah memenuhi syarat-syarat berikut iaitu warganegara Malaysia, anak yatim atau penjaga anak yatim, dan miskin. Kadar bantuan yang diberikan adalah berbeza antara satu negeri dengan yang lain, misalnya di Sabah, kadar bantuan bulanan adalah di antara RM60 hingga RM150 sebulan mengikut bilangan kanak-kanak, yang dibayar kebiasaannya kepada penjaga kanak-kanak berkenaan (Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am, n.d.). Dengan adanya bantuan ini maka diharapkan mereka dapat menjalani kehidupan yang sempurna sepertimana kanak-kanak lain yang lebih bernasib baik.

Agama Islam amat menekankan kepada pentingnya bersikap baik terhadap anak yatim, bersesuaian dengan Firman Allah dalam Surah Ad-dhuha, ayat 9-11 yang bermaksud:

“adapun terhadap anak-anak yatim, maka janganlah engkau bersikap kasar terhadapnya, orang-orang yang meminta-minta, maka janganlah tengking-herdik dan adapun nikmat itu hendaklah engkau sebutkan sebagai menzahirkan kesyukuran”

Selaras dengan itu, anak-anak yatim bukan sahaja perlu diberi perhatian dari segi makan minum, bahkan ajaran Islam menekankan kepada pemberian kasih sayang kepada mereka, memberi pendidikan, melibatkan mereka dengan kerja-kerja masyarakat seperti gotong royong dan mempastikan kebajikan mereka terbela.

Dari segi sejarah, perkembangan dalam penempatan kanak-kanak amat berkait rapat dengan penglibatan kerajaan kolonial Inggeris. Di samping itu, pengaruh agama Islam juga banyak membentuk amalan jagaan anak-anak yatim khususnya di Semenanjung Malaysia sejak kurun ke 15 lagi (Fulcher & Faizah, 2000). Kerajaan, badan-badan swasta dan NGO juga mengambil inisiatif untuk menyediakan rumah bagi anak-anak yatim ini berlindung dan

¹ Pengarah Institut Pemikiran Dr. Mahathir; Professor di Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Fakulti Pembangunan Sosial & Manusia, Universiti Utara Malaysia

² Pensyarah Jabatan Kerja Sosial, Fakulti Pembangunan Sosial & Manusia, Universiti Utara Malaysia

³ Pensyarah Jabatan Kerja Sosial, Fakulti Pembangunan Sosial & Manusia, Universiti Utara Malaysia

⁴ Pensyarah Jabatan Kerja Sosial, Fakulti Pembangunan Sosial & Manusia, Universiti Utara Malaysia

mendapat kemudahan-kemudahan pendidikan, kemahiran dan latihan sepetimana yang diperolehi oleh kanak-kanak lain.

Bagi pihak kerajaan, tugas menempatkan anak-anak yatim serta memberi kemudahan fizikal dan sosial kepada mereka diletakkan di bawah kuasa Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). JKM akan menghulurkan sumbangan bagi membiayai perbelanjaan anak yatim, di samping derma dan bantuan kewangan dari masyarakat tempatan dan luar yang prihatin terhadap kebajikan anak yatim. Antara rumah anak yatim yang dikelolakan oleh pihak NGO ialah Rumah BUDI Yan di negeri Kedah dan Persekutuan Kebajikan Anak-anak Yatim, Pulau Pinang.

Usaha menempatkan anak-anak yatim di Rumah Anak Yatim adalah satu usaha yang murni. Oleh kerana itu pertumbuhan dan perkembangan anak-anak yatim ini sama ada dari segi fizikal, mental maupun sosial perlulah diberikan perhatian sebaik mungkin sebagaimana anak-anak yang sebaya dengan mereka yang dapat mengecapi kehidupan di dalam keluarga sendiri. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti serta memahami permasalahan anak-anak yatim khususnya di negeri Kedah.

Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai dua objektif yang perlu dicapai:

1. Mengenalpasti permasalahan anak-anak yatim.
2. Mengenalpasti perbezaan permasalahan yang dihadapi antara anak yatim lelaki dan anak yatim perempuan.

Ulasan Karya

Rumah anak yatim mempunyai beberapa tujuan, antaranya ialah memelihara, mendidik dan mengasuh anak-anak yatim; memilik, memaju dan mentadbir rumah anak yatim serta harta-harta kepunyaan amanah anak yatim dan menggalakkan kerja-kerja kebajikan di kalangan ahli dan orang ramai (Rahyl Mahyuddin, Sharifah Md Nor, Azizah Abdul Rahman, Kamariah Abu Bakar, Habibah Elias, 1993). Di United Kingdom, beberapa laporan seperti Audit Commision 1994, Berridge dan Brodie 1998 telah mendapati sejumlah besar penghuni rumah kanak-kanak tidak pergi ke sekolah (Brodie, 2000). Malah, golongan anak yatim yang bersekolah yang biasanya merupakan bilangan minoriti di sekolah sering dilihat/dianggap sebagai golongan pembawa masalah (Berridge, Brodie, Ayre, Barrett, Henderson, & Wenman, 1997 dalam Brodie, 2000). Adakah ini kesilapan rumah anak yatim? Fulcher (2001), berpendapat bahawa kita perlu mengelakkan sebarang andaian yang mengatakan penempatan keluarga gantian adalah lebih baik berbanding penempatan institusi. Menurutnya, yang penting adalah sama ada sesuatu penempatan itu mampu memenuhi keperluan kanak-kanak. Pendapat Fulcher nyata benar di mana masih ada negara maju seperti Jerman yang lebih sukakan perkhidmatan rumah kanak-kanak berbanding perkhidmatan anak angkat atau jagaan perlihara (Janze, 1999). Maka, adalah baiknya masalah-masalah anak-anak yatim dapat dikenalpasti dan difikirkan kaedah untuk menyelesaikannya daripada meletak anggapan yang negatif terhadap perkhidmatan institusi.

Kajian yang dilakukan oleh *Marquette et. al. (2002)* ke atas remaja yang berumur 11 hingga 18 tahun menunjukkan imej diri, 'self'esteem' dan tekanan terhadap peristiwa kehidupan mempunyai perkaitan dengan jantina remaja. Imej diri lebih menjadi simptom kepada tekanan dalam kehidupan remaja perempuan berbanding remaja lelaki. Manakala *Ainslie et. al. (1996)* yang membuat kajian keatas remaja yang tinggal di asrama dan remaja yang tidak tinggal di asrama mendapati bahawa remaja perempuan untuk kedua-dua kategori, menunjukkan tahap tekanan personal yang lebih tinggi berbanding remaja lelaki. Remaja lelaki dilaporkan mempunyai masalah dari segi menguruskan atau menyelesaikan kerja-kerja sekolah yang diberikan (*Brammer R., & Ching-Face Chen*). Perbezaan di antara lelaki dan perempuan jelas memaparkan permasalahan yang berlainan. Maka, adalah menarik untuk meninjau jenis-jenis permasalahan yang berbeza di antara anak yatim lelaki dan perempuan.

Metod Kajian

Dua buah institusi kebajikan anak yatim yang terlibat dalam kajian ini ialah Darul Aitam Wal Masakin, Alor Setar dan Rumah BUDI, Yan, Kedah. Sebanyak 20 orang anak yatim lelaki dan 20 orang anak yatim perempuan yang menghuni institusi tersebut dipilih sebagai responden kajian. Kesemua mereka juga berumur dalam lingkungan umur 13 hingga 18 tahun dan sedang menuntut di sekolah menengah iaitu di antara Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6.

Bagi mengenalpasti apakah masalah yang dihadapi oleh anak-anak yatim di kedua-dua buah institusi ini, maka inventori Senarai Semak Masalah Mooney (*Mooney Problem Checklist*) digunakan dalam kajian ini. Senarai Semak Masalah Mooney mempunyai 100 item yang meliputi 10 jenis masalah yang biasa dialami oleh remaja. Masalah-masalah tersebut ialah:

1. Masalah kesihatan dan perkembangan jasmani
2. Masalah kewangan, kehidupan dan pekerjaan
3. Masalah aktiviti hiburan dan sosial
4. Masalah pergaulan muda mudi, jantina dan perkahwinan
5. Masalah hubungan sosial psikologi
6. Masalah hubungan personal/peribadi psikologi
7. Masalah akhlak dan agama
8. Masalah masa hadapan dari segi vokasional dan pendidikan
9. Masalah penyesuaian terhadap kerja-kerja sekolah
10. Masalah kurikulum dan kaedah pengajaran

Dapatan Kajian

Responden kajian terdiri daripada 20 orang remaja lelaki dan 20 orang remaja perempuan yang masih bersekolah diperingkat sekolah menengah. Sedikit tentang latar belakang demografi responden boleh dilihat dari Jadual 1.

Jadual 1 : Demografi responden

Item	Kekerapan	Peratus	Item	Kekerapan	Peratus
Umur			Bilangan Adik Beradik		
- 13 tahun	6	15	• Satu (anak tunggal)		
- 14 tahun	12	30	• Dua	1	2.5
- 15 tahun	10	25	• Tiga	3	7.5
- 16 tahun	6	15	• Empat	2	5.0
- 17 tahun	4	10	• Lima dan Lebih	7	17.5
- 18 tahun	2	5		27	67.5
Tingkatan			Umur masuk		
- Tingkatan 1	5	12.5	▪ 9 tahun	14	35
- Tingkatan 2	12	30	▪ 10 tahun	10	25
- Tingkatan 3	11	27.5	▪ 11 tahun	4	10
- Tingkatan 4	4	10	▪ 12 tahun	6	15
- Tingkatan 5	6	15	▪ 13 tahun	5	12.5
- Tingkatan 6	2	5	▪ 14 tahun	0	0
			▪ 15 tahun	1	2.5

Perbandingan sepuluh permasalahan yang diukur dalam senarai semak masalah Mooney dibincangkan berdasarkan responden lelaki dan responden perempuan.

Jadual 2 : Perbandingan masalah kesihatan dan perkembangan jasmani berdasarkan faktor jantina

	Lelaki	Perempuan
Tiada Masalah	5 %	0 %
Mempunyai kurang daripada 5 masalah	80 %	95 %
Mempunyai 5 atau lebih masalah	15 %	5 %
Min	2.8000	3.5000
Sisihan Piawai	1.4726	1.1471
N	20	20

Item-item yang diukur dalam masalah kesihatan dan perkembangan jasmani termasuk terlalu kurus, terlalu gemuk, merasakan tidak cukup senaman, mengalami masalah dengan hidung, mudah merasa letih dan penat, sering merasa sakit atau pening kepala, selalu demam, mengalami masalah muka berjerawat, merasa tidak cukup tidur dan tiada selera makan. Kebanyakan responden sama ada lelaki atau perempuan mempunyai kurang daripada 5 senarai item masalah dari segi kesihatan dan perkembangan jasmani. Sebanyak 5% daripada responden lelaki menyatakan tidak mengalami sebarang masalah dalam kategori ini, manakala responden perempuan tidak ada yang menyatakan tidak mempunyai masalah dalam kategori ini. Manakala 15% daripada responden lelaki menyatakan mempunyai sekurang-kurangnya 5 atau lebih masalah kesihatan dan perkembangan jasmani. Remaja dalam peringkat ini amat mementingkan penampilan diri mereka dan akan mengambil lebih banyak masanya untuk memberi perhatian kepada tubuh badan. Dari segi pengiraan min responden perempuan menunjukkan lebih bermasalah dari segi kesihatan dan perkembangan jasmani berbanding responden lelaki.

Jadual 3 : Perbandingan masalah kewangan, kehidupan dan pekerjaan berdasarkan faktor jantina

	Lelaki	Perempuan
Tiada Masalah	5 %	10 %
Mempunyai kurang daripada 5 masalah	75 %	70 %
Mempunyai 5 atau lebih masalah	20 %	20 %
Min	3.2000	3.0000
Sisihan Piawai	1.6092	1.5560
N	20	

Responden lelaki lebih berkecenderungan untuk memikirkan tentang masalah-masalah kewangan, kondisi kehidupan dan juga tentang pekerjaan berbanding responden perempuan. Nilai min maslah yang ditunjukkan oleh responden lelaki lebih tinggi. Item yang menunjukkan peratusan yang agak tinggi adalah mengenai masalah wang saku yang diberikan tidak mencukupi. Responden lelaki dan perempuan juga menunjukkan peratusan yang tinggi dari segi berjimat cermat dan berhati-hati dalam penggunaan wang. Disebabkan adanya kebijakan dari segi kewangan di rumah anak yatim, menunjukkan tiadanya responden yang mempunyai masalah dari segi terpaksa mencari wang sendiri untuk belanja ke sekolah.

Jadual 4 : Perbandingan masalah aktiviti hiburan dan sosial berdasarkan faktor jantina

	Lelaki	Perempuan
Tiada Masalah	15 %	5 %
Mempunyai kurang daripada 5 masalah	70 %	80 %
Mempunyai 5 atau lebih masalah	15 %	15 %
Min	2.4500	2.7500
Sisihan Piawai	1.8489	1.4823
N	20	20

Sebanyak 95% daripada responden perempuan menyatakan mempunyai masalah dari segi mendapatkan atau melakukan aktiviti hiburan dan sosial berbanding responden lelaki. Min masalah untuk responden perempuan lebih tinggi daripada responden lelaki. Remaja lelaki menunjukkan peratusan yang tinggi kepada pertanyaan berkaitan masalah tidak pandai berbual atau tidak ramah apabila bertemu dengan orang lain dan merasakan tidak ada perkara-perkara yang menyeronokkan untuk dilakukan dalam masa lapang mereka. Manakala remaja perempuan menunjukkan peratusan yang lebih tinggi kepada pertanyaan berkaitan tidak dapat menikmati banyak perkara seperti yang dinikmati oleh orang lain, kurang merasa selesa bila berada di dalam khalayak ramai dan merasakan tidak mudah buat mereka untuk berkenalan dengan orang ramai.

Jadual 5 : Perbandingan masalah pergaulan muda mudi, jantina dan perkahwinan berdasarkan faktor jantina

	Lelaki	Perempuan
Tiada Masalah	15 %	20 %
Mempunyai kurang daripada 5 masalah	75 %	70 %
Mempunyai 5 atau lebih masalah	10 %	10 %
Min	2.1000	2.1500
Sisihan Piawai	1.7741	1.6631
N	20	20

Manakala 85% responden lelaki yang mengakui mempunyai masalah pergaulan muda mudi dan jantina. Kebanyakan daripada mereka menyatakan tidak pandai bergaul dengan teman lawan jenis ataupun dengan rakan perempuan. Manakala kebanyakan daripada 80% responden perempuan yang mengakui mempunyai masalah pergaulan muda mudi dan jantina menyatakan takut untuk bergaul rapat dengan teman lawan jenis atau dengan rakan lelaki. Pertanyaan mengenai pergaulan yang mengarah kepada perkahwinan tidak dianggap sebagai masalah ataupun hanya menunjukkan peratusan yang kecil. Tegasnya, responden lelaki mahupun perempuan belum mempunyai kecenderungan untuk memikirkan ke arah itu. Ini mungkin disebabkan kebanyakan responden masih berada dalam lingkungan umur kurang daripada 15 tahun. Jika dibandingkan dengan kategori masalah yang lain kategori ini memperlihatkan peratusan yang lebih tinggi dari segi tiada masalah.

Jadual 6 : Perbandingan masalah hubungan sosial psikologi berdasarkan faktor jantina

	Lelaki	Perempuan
Tiada Masalah	10 %	5 %
Mempunyai kurang daripada 5 masalah	70 %	85 %
Mempunyai 5 atau lebih masalah	20 %	10 %
Min	2.5500	2.9000
Sisihan Piawai	2.1392	2.0749
N	20	20

Sebanyak 90% daripada responden lelaki dan 95% daripada responden perempuan menyatakan mempunyai masalah dari segi hubungan sosial psikologi. Min masalah responden perempuan lebih tinggi daripada min masalah responden lelaki. Namun begitu masalah yang dialami kurang daripada 5 item masalah. Antara item yang menunjukkan peratusan yang tinggi adalah tidak pandai menarik perhatian orang lain terhadap diri sendiri, ingin personaliti atau penampilan yang lebih menarik, sering merasa cemburu dan iri hati dengan orang lain dan merasakan tidak mempunyai peluang untuk membincangkan masalah diri dengan orang lain.

Jadual 7 : Perbandingan masalah hubungan personal psikologi berdasarkan faktor jantina

	Lelaki	Perempuan
Tiada Masalah	0 %	5 %
Mempunyai kurang daripada 5 masalah	70 %	65 %
Mempunyai 5 atau lebih masalah	30 %	30 %
Min	3.6500	3.7000
Sisihan Piawai	2.3902	2.3642
N	20	20

Keseluruhan responden lelaki memperlihatkan mempunyai masalah dari segi hubungan personal psikologi, berbanding 95% responden perempuan. Namun berdasarkan kiraan min, min masalah responden perempuan lebih tinggi berbanding lelaki. Ini bermakna jumlah keseluruhan item yang menjadi masalah kepada responden perempuan lebih banyak daripada responden lelaki. Item yang diukur dalam kategori ini termasuk selalu risau dan bimbang, suka berangan-angan, mudah panik atau mudah merasa takut, tidak berhati-hati atau selalu cuai, tidak dapat mengawal perasaan atau emosi, pemalas, pelupa, mudah cemas, susah membuat keputusan dan mudah putus asa. Ini merupakan ciri-ciri yang berlaku kepada remaja yang merupakan tahap yang penuh dengan krisis identiti diri.

Jadual 8 : Perbandingan masalah akhlak dan agama berdasarkan faktor jantina

	Lelaki	Perempuan
Tiada Masalah	0 %	0 %
Mempunyai kurang daripada 5 masalah	65 %	80 %
Mempunyai 5 atau lebih masalah	35 %	20 %
Min	4.0000	3.6000
Sisihan Piawai	1.9735	1.3917
N	20	20

Kajian ini mendapati kesemua responden mempunyai masalah dari segi akhlak dan agama. Namun, min masalah bagi responden lelaki lebih tinggi daripada responden perempuan, ini

bermakna responden lelaki lebih memikirkan tentang masalah akhlak dan agama berbanding responden perempuan. Antara item yang menunjukkan peratusan yang lebih tinggi adalah berkaitan dengan takut balasan buruk daripada Tuhan atas dosa-dosa yang dilakukan, ingin membanyakkan ibadat dan tidak dapat melupakan dosa-dosa yang telah dilakukan.

Jadual 9 : Perbandingan masalah masa depan, kerjaya dan pendidikan berdasarkan faktor jantina

	Lelaki	Perempuan
Tiada Masalah	5 %	0 %
Mempunyai kurang daripada 5 masalah	65 %	60 %
Mempunyai 5 atau lebih masalah	30 %	40 %
Min	3.8500	4.1000
Sisihan Piawai	1.9808	1.7741
N	20	20

Keseluruhan responden perempuan menyatakan mempunyai masalah dalam memikirkan masa depan, kerjaya dan pendidikan mereka. Manakala responden lelaki terdapat 5% daripada mereka menyatakan ia bukan masalah. Berdasarkan kepada min masalah, responden perempuan lebih tinggi daripada responden lelaki. Ini bermakna responden perempuan mempunyai masalah berkaitan masa depan, kerjaya dan pendidikan mereka berbanding responden lelaki.

Jadual 10 : Perbandingan masalah penyesuaian terhadap kerja-kerja sekolah berdasarkan faktor jantina

	Lelaki	Perempuan
Tiada Masalah	0 %	0 %
Mempunyai kurang daripada 5 masalah	45 %	70 %
Mempunyai 5 atau lebih masalah	55 %	30 %
Min	4.3500	3.7000
Sisihan Piawai	1.5985	1.3018
N	20	20

Keseluruhan responden lelaki dan perempuan mempunyai masalah dari segi penyesuaian diri terhadap kerja-kerja sekolah. Didapati min masalah responden lelaki lebih tinggi daripada responden perempuan. Ini bermakna responden lelaki mempunyai masalah yang lebih tinggi dalam penyesuaian terhadap kerja-kerja sekolah berbanding responden perempuan. Responden lelaki menunjukkan peratusan yang lebih tinggi iaitu 55% responden menyatakan mempunyai 5 atau lebih masalah dan 45% lagi mempunyai sekurang-kurangnya 1 masalah. Berbanding dengan responden perempuan 70% daripada mereka mempunyai kurang daripada 5 masalah dan hanya 30% lagi menyatakan mempunyai 5 atau lebih masalah daripada senarai item yang ditanyakan. Lima masalah yang utama dan menunjukkan peratusan yang tinggi ialah lemah dalam Bahasa Inggeris, tidak tahu bagaimana hendak belajar dengan berkesan, bimbang dan takut untuk menghadapi peperiksaan, lemah dalam matematik dan masalah kesukaran untuk mengingat bahan pelajaran.

Jadual 11 : Perbandingan masalah kurikulum dan kaedah pengajaran berdasarkan faktor jantina

	Lelaki	Perempuan
Tiada Masalah	15 %	25 %
Mempunyai kurang daripada 5 masalah	70 %	70 %
Mempunyai 5 atau lebih masalah	15 %	5 %
Min	2.3500	1.5500
Sisisian Piawai	1.6311	1.2763
N	20	20

Masalah kurikulum dan kaedah pengajaran menunjukkan peratusan yang lebih rendah berbanding dengan kategori masalah yang lain. Bagi kedua-dua responden lelaki dan perempuan, masalah bertumpu kepada masalah untuk memahami pengajaran guru di sekolah, merasa terpaksa mengambil matapelajaran yang tidak disukai dan peratusan responden lelaki yang menyatakan peraturan di sekolah terlalu ketat lebih tinggi. Responden perempuan didapati lebih dapat menyesuaikan diri dengan keadaan kurikulum dan kaedah pengajaran di sekolah berbanding responden lelaki dengan peratusan yang lebih tinggi iaitu 25%. Peratusan rendah diperlihatkan oleh responden perempuan dari segi mempunyai 5 atau lebih masalah dalam kategori ini. Min masalah yang ditunjukkan juga menunjukkan responden lelaki mempunyai masalah dari segi menyesuaikan diri dengan keadaan kurikulum dan kaedah pengajaran di sekolah.

Jadual 12 menggambarkan senarai urutan masalah responden.. Tidak ada bentuk yang jelas dari segi urutan perbezaan masalah untuk responden lelaki dan perempuan. Empat masalah pertama yang masuk dalam urutan adalah sama untuk kedua-dua kategori responden. Namun begitu masalah-masalah ini perlulah diambil kira supaya ia tidak terus menjadi bebanan kepada responden yang sedang menuju kepada kematangan.

Jadual 12 : Masalah responden berdasarkan senarai urutan

Urutan Kategori masalah

Responden Lelaki

1. Penyesuaian terhadap kerja-kerja sekolah
2. Akhlak dan agama
3. Masa depan kerjaya dan pendidikan
4. Hubungan personal psikologi
5. Kewangan, kehidupan dan pekerjaan
6. Kesihatan dan perkembangan jasmani
7. Hubungan sosial psikologi
8. Aktiviti hiburan dan sosial
9. Kurikulum dan kaedah pengajaran
10. Pergaulan muda-mudi, jantina dan perkahwinan

Responden Perempuan

1. Masa depan kerjaya dan pendidikan
2. Penyesuaian terhadap kerja-kerja sekolah
3. Hubungan personal psikologi
4. Akhlak dan agama
5. Kesihatan dan perkembangan jasmani
6. Kewangan, kehidupan dan pekerjaan
7. Hubungan sosial psikologi
8. Aktiviti hiburan dan sosial
9. Pergaulan muda-mudi, jantina dan perkahwinan
10. Kurikulum dan kaedah pengajaran

Perbincangan Dan Cadangan

Masalah penyesuaian kerja-kerja sekolah di kalangan anak yatim lelaki merupakan satu perkara yang wajar diambil serius oleh pihak sekolah. Malah, sebenarnya kesemua responden mengalami masalah seperti kelemahan matematik dan ketakutan peperiksaan serta aktiviti menghafal bahan pelajaran. Fenomena ini adalah selaras dengan kajian Thoburn, Norford and Rashid (2000) ke atas kanak-kanak minoriti yang terlibat dengan aktiviti penempatan⁵, di mana masalah tekanan terhadap kerja sekolah adalah suatu yang biasa. Lantaran itu, pembaharuan dari segi peperiksaan, teknik pengajaran matematik dan pemberian kerja-kerja sekolah harus diusahakan selaras dengan keperluan remaja lelaki tersebut. Kerja sekolah seharusnya tidak membebankan, malah memupuk minat dan mengukuhkan kemahiran para pelajar dalam proses pembelajaran. Dicadangkan kerja sekolah untuk pelajar lelaki perlu dipelbagaikan dan tidak hanya tumpu kepada penulisan sahaja. Kerja sekolah itu seharusnya bertujuan memenuhi keperluan pelajar itu dan bukannya untuk memenuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh mana-mana pihak. Selain itu, dicadangkan pihak pengurusan institusi bersama-sama anak-anak yatim lelaki semasa mereka menyempurnakan kerja-kerja sekolah. Cadangan ini perlu memandangkan staf rumah kanak-kanak bukannya selalu sedar akan status pendidikan anak-anak jagaan mereka (Brodie, 2000).

Anak yatim perempuan sungguhpun mempunyai masalah utama berkaitan masa depan, kerjaya dan pendidikan berbanding lelaki, namun dari perspektif yang berlainan, ia memberi implikasi bahawa perempuan lebih serius dan mudah risau mengenai masa depan, kerjaya dan pendidikan berbanding lelaki. Ini berikutan golongan pelajar perempuan kebiasaanya mempunyai pencapaian akademik lebih baik berbanding lelaki. Nisbah pelajar perempuan yang memasuki universiti berbanding lelaki bagi sesi 2004/2005 adalah 60:40 (Marzita Abdullah, 2004). Oleh itu, kaunseling kerjaya mahupun perancangan kerjaya patut diperkenalkan secara meluas kepada mereka agar mereka lebih memahami dan merancang bidang pengkhususan yang sesuai dengan personaliti masing-masing. Kaedah ini mampu melaikan kebimbangan mereka tentang masa depan, kerjaya dan pendidikan.

Secara relatifnya, kategori masalah pergaulan muda-mudi, jantina dan perkahwinan di kalangan responden adalah lebih rendah berbanding dengan kategori masalah yang lain. Namun, permasalahan tetap berlaku di kalangan mereka baik lelaki maupun perempuan. Majoriti responden berusia di antara 14-16 tahun. Mereka berada di tahap penerokaan potensi dan limitasi kendiri, serta dalam proses pencarian dan pengesahan identiti diri (Fahlberg, 1994). Sebagai langkah pencegahan, adalah dicadangkan agar diperbanyakkan dialog perbincangan tentang soal percintaan dan perkahwinan oleh pihak pengurusan institusi atau sekolah dengan golongan remaja ini. Kebanyakan responden akan menjadi orang dewasa dalam masa beberapa tahun lagi, dirasakan tempoh inilah merupakan tempoh peralihan pemikiran mereka tentang isu-isu tersebut. Pembentukan minda yang sihat di kalangan mereka masih belum terlambat lagi. Permasalahan mereka dalam kategori ini biarpun secara relatif lebih rendah, namun ia perlu diselesaikan seawal mungkin agar ia tidak mengundang situasi yang merugikan seperti hubungan seks sebelum kahwin, mengandung tanpa nikah dan seumpamanya.

Kesimpulan

Kajian mendapati kesemua anak yatim mengalami sekurang-kurangnya satu masalah dalam mana-mana kategori masalah menerusi Senarai Semak Masalah Mooney. Fenomena ini masih boleh dianggap normal. Namun, untuk meningkatkan kualiti kehidupan anak yatim, tindakan-tindakan susulan seperti yang telah dicadangkan perlu diberi pertimbangan yang serius. Selain itu, pendidikan adalah satu item yang amat perlu diambil berat mengenai kanak-kanak yang terpisah daripada keluarga khasnya anak yatim, malah ia patut diletakkan

⁵ Penempatan merujuk kepada aktiviti pengangkatan (*adoption*) dan jagaan peliharaan (*foster care*).

di tahap prioriti yang tinggi sama seperti keperluan makanan, tempat tinggal dan keperluan asas yang lain (Aldgate, Heath, Colton dan Simm, 1993). Sejajar dengan maklum balas yang diperolehi daripada anak-anak yatim, keperluan pendidikan (termasuk ajaran keagamaan dan akhlak) harus menjadi agenda utama dalam usaha membantu mereka yang kurang bermasib baik ini.

Rujukan

- Ainslie, Ricardo C., Shafer, Alexandra, (1996) Mediators of adolescents' stress in a college preparatory. *Adolescence* Vol. 31, Issue 124.
- Aldgate, J., Heath, A., Colton, M. and Simm, M. (1993). Social work and the education of children in foster care. *Adoption and Fostering*, 17(3), 25-34.
- Brammer, R., & Ching-Faee Chen, *The effect of expanding fender roles on behavioral problems: A comparison of female college students in Taiwan*. Retrieved Jun 8, 2004, from <http://www.thegateway.edu/current/brammer2.html>
- Brodie, I. (2000). Children's home and school exclusion: Redefining the problem. *Support for Learning*, 15(1), 25-29.
- Fahlberg, V. I. (1994). *A child journey through placement*. (UK ed.). London: British Agencies for Adoption & Fostering.
- Fulcher, L. & Faizah Mas'ud (2000). Residential child and youth care in Malaysia. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, 22(2), -
- Fulcher, L. (2001). Differential assessment of residential group care for children and young people. *British Journal of Social Work*, 31(3), 417-435.
- Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am (n.d.) *Bantuan anak yatim dan miskin*. Retrieved Januari 19, 2004, from <http://www.infosabah.com.my/jpka/anak.html>
- Janze, N. (1999). A comparative approach to public childcare for children living away from home in Germany and England. *European Journal of Social Work*, 2(2), 151-163.
- Marcotte, Diane, Fortin, Laurier, Potvin, Pierre, Papillon, & Myra. (2002). Gender differences in depressive symptoms during adolescence: Role of gender-typed characteristics, self-esteem, body image, stressful life events, and pubertal status. *Journal of Emotional & Behavioral Disorders*. Vo. 1, Issue 1.
- Marzita Abdullah (2004). *Pelajar lelaki: Bilangan ke IPTA meningkat 10 peratus*. Retrieved Jun 22, 2004, from http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?dt=0621&pg=be_01.htm&sec=Berita&y=2004
- Rahyl Mahyuddin, Sharifah Md Nor, Azizah Abdul Rahman, Kamariah Abu Bakar, Habibah Elias (1993). Budaya kerja di rumah anak yatim. Dalam Wan Rafaei Abdul Rahman, Habibah Elias dan Malini Ratnasingam (eds). *Psikologi dan Budaya Kerja di Malaysia*. Prosiding Persidangan Psikologi Malaysia ke-3. Bangi: Persatuan Psikologi Malaysia.
- Thoburn, J., Norford, L. Rashid, S. P. (2000). *Pemanent family placement for children of minority ethnic origin*. London: Jessica Kingsley Publishers.